

Assalamualaikum.

Saya lahir di Sarawak emak dan ayah saya berasal daripada Johor. Saya berkhidmat sebagai seorang guru di Kuching Sarawak. Apakah saya layak untuk menikmati Elaun Wilayah.

Seorang pegawai ditentukan tempat asal nya adalah berlandaskan kepada asal ibu dan bapa pegawai, iaitu:

- i. Pegawai dan ibu bapa yang dilahirkan di Wilayah yang sama dianggap berasal dari Wilayah berkenaan;
- ii. Pegawai yang ibu bapanya dilahirkan di Wilayah yang sama dianggap berasal dari Wilayah atau tempat lahir ibu bapanya;
- iii. Pegawai yang ibu bapanya dilahirkan di Wilayah yang berbeza boleh memilih untuk menentukan Wilayah asalnya berdasarkan tempat lahir ibu atau bapanya

Berdasarkan kepada para ii perenggan diatas, pegawai adalah dianggap sebagai berasal daripada wilayah Semenanjung kerana kedua ibu bapanya berasal daripada Semenanjung walaupun beliau dilahirkan di Sarawak. Beliau adalah layak untuk menikmati elaun wilayah selagi beliau berkhidmat di Sarawak.

Assalamualaikum.

Saya telah dilahirkan di Sabah, ibu saya dilahirkan di Sabah dan ayah saya berasal daripada Perak. Saya berkhidmat sebagai seorang guru di Ipoh Perak. Apakah saya layak untuk menikmati Elaun Wilayah.

Seorang pegawai ditentukan tempat asal nya adalah berlandaskan kepada asal ibu dan bapa pegawai, iaitu:

- i. Pegawai dan ibu bapa yang dilahirkan di Wilayah yang sama dianggap berasal dari Wilayah berkenaan;
- ii. Pegawai yang ibu bapanya dilahirkan di Wilayah yang sama dianggap berasal dari Wilayah atau tempat lahir ibu bapanya;
- iii. Pegawai yang ibu bapanya dilahirkan di Wilayah yang berbeza boleh memilih untuk menentukan Wilayah asalnya berdasarkan tempat lahir ibu atau bapanya

Berdasarkan kepada para iii perenggan diatas, pegawai yang memiliki kedua dua ibu bapanya daripada wilayah yang berbedza beliau boleh memilih samada wilayah asalnya di Semenanjung ataupun di Sabah. Pegawai boleh menikmati elaun wilayah di Semenanjung apabila pegawai memilih wilayah asalnya adalah wilayah ibunya iaitu Wilayah Sabah. Pemilihan wilayah asal pegawai hanya dibuat sekali sahaja dan ia hendaklah dicatatkan di Buku Perkhidmatan Pegawai.